



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Transformasi ke Arah Konsep Kolej Kediaman Lestari di Universiti Awam Malaysia (*Transformation to the Sustainable Living College Concept at Public University Malaysia*)

Open Access

Mohd Reduan Buyung^{1,*}, Haryati Shafii¹, Noor Ain Yusoff¹

¹ Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 25 February 2018

Received in revised form 13 March 2018

Accepted 25 April 2018

Available online 29 April 2018

ABSTRACT

Kajian ini merupakan kajian awalan bagi mentransformasikan kolej kediaman sedia ada kepada konsep kolej kediaman lestari di universiti awam Malaysia. Permasalahan utama kajian adalah kekurangan garis panduan yang lengkap bagi membangunkan kolej kediaman yang selesa dan kondusif. Permasalahan ini membawa kepada kelemahan dan kekurangan dalam penyediaan kemudahan sokongan di kolej kediaman seterusnya mencetuskan ketidakselesaan kepada penghuni. Kesannya juga mengakibatkan gangguan terhadap kelestarian kolej kediaman dan akhirnya mengundang kepada kemerosotan kualiti hidup penghuni. Metodologi kajian adalah berdasarkan tinjauan literatur terhadap elemen berkaitan kolej kediaman, Teori Keperluan Maslow, kemudahan di kolej kediaman, keselesaan penghuni, pembangunan lestari dan kualiti hidup. Hasil kajian menemukan maklumat kolej kediaman sebagai keperluan asas penghuni untuk hidup di universiti, keperluan pembangunan kemudahan yang kondusif untuk akademik dan sahsiah diri, keselesaan menjadi keutamaan penghuni, pembangunan lestari sebagai teras konsep kolej kediaman lestari dan kesan kepada kualiti hidup penghuni secara keseluruhan. Penemuan dalam kajian ini akan digunakan bagi membantu kajian mentransformasikan kolej kediaman kepada konsep kolej kediaman lestari yang menyediakan kemudahan secara lengkap, selesa dan kondusif seterusnya membawa kepada peningkatan kualiti hidup penghuni kolej kediaman di universiti awam Malaysia.

This study is a preliminary study of the transformation of residential colleges today into the concept of sustainable residential colleges in Malaysian public universities. The main problem of the study is the lack of complete guidelines to develop comfortable and conducive residential colleges. These problems lead to weaknesses and disadvantages in the provision of support facilities at residential colleges and thus sparking discomfort residents. The consequences also cause disruption to the sustainability of residential colleges and ultimately lead to the deterioration of the quality of life of the occupants. The methodology of the study is based on literature review on the elements of residential college, Maslow needs theory, facilities in residential colleges, residents' comfort, sustainable development and quality of life. The findings reveal the information of residential colleges as the basic needs of residents to live in the university, the conducive development of facilities that are

* Corresponding author.

E-mail address: reduan_1986@yahoo.com (Mohd Reduan Buyung)

conducive to academic and self-esteem, the comfort of being the priorities of the residents, sustainable development as the core concept of sustainable residential college and the impact on the quality of life of the occupants as a whole. The findings in this study will be used to assist the study of transformation of residential colleges into the concept of sustainable residential college providing complete, comfortable and conducive facilities thus leading to the improvement in the quality of life of residential colleges in Malaysian public universities.

Kata Kunci:

Kolej kediaman, kemudahan, keselesaan, lestari dan kualiti hidup

Keywords:

Residential College, facilities, comfort, sustainability and quality of life

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendahuluan

Kolej kediaman merupakan sebuah kompleks perumahan yang dikhaskan untuk pelajar universiti yang menyediakan pelbagai kemudahan sokongan. Kolej kediaman merujuk kepada tempat penginapan dalam kampus sepanjang tempoh pengajian pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia [1]. Kolej kediaman merupakan kemudahan yang disediakan oleh universiti bagi penginapan pelajar [2]. Penginapan pelajar termasuklah kemudahan yang bersesuaian sebagai pelajar universiti seperti kemudahan sokongan bagi pembelajaran dan pembangunan sahsiah diri. Kolej kediaman berfungsi bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penginapan, menjaga kualiti dan perkhidmatan pemakanan yang disediakan dan akhir sekali menyediakan kemudahan pembelajaran yang kondusif [3]. Kolej kediaman pelajar mempunyai keperluan hampir sama seperti juga kawasan perumahan yang lain dalam penyediaan kemudahan yang lengkap dan mampu meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Persekitaran yang sesuai perlu disediakan oleh kolej kediaman dalam membantu proses pembelajaran penghuni. Kebergantungan penghuni kepada kolej kediaman menjadi lebih kritikal sepanjang berada di universiti apabila penghuni tidak mempunyai pilihan tempat tinggal disebabkan faktor kos, jarak dan masa. Kolej kediaman yang tidak dibangunkan berdasarkan keperluan penghuni pasti akan menimbulkan pelbagai masalah pada masa hadapan.

Kolej kediaman yang memenuhi keperluan dan lengkap dengan pelbagai kemudahan sokongan mempunyai pengaruh tersendiri terhadap kualiti hidup penghuni. Penghuni akan lebih gembira sekiranya semua keperluan mereka dapat diakses dengan mudah. Kualiti perumahan sangat berkait rapat dengan kualiti hidup iaitu secara fizikal, ekonomi, dan sosial. [4]. Pengalaman mendiami kolej kediaman yang selesa dan konduksif akan mempengaruhi penghuni pada masa hadapan untuk terus berada di kolej kediaman. Namun, pengalaman yang negatif diterima pasti akan memberi kesan buruk kepada pencapaian dan akhirnya mengundang kemerosotan kepada kualiti hidup. Konsep pembangunan lestari merupakan konsep pembangunan yang berteraskan keseimbangan dan keharmonian kehidupan antara manusia dan alam sekitar. Konsep ini juga mengamalkan pendekatan ke arah kesejahteraan kehidupan manusia dan persekitarannya. Pelestarian kampus jika diteliti ternyata banyak manfaat kepada warganya sama ada dalam jangka pendek maupun jangka panjang [5]. Justeru itu, penelitian awal terhadap elemen yang mempengaruhi kualiti hidup di kolej kediaman perlu dikaji terlebih dahulu sebelum cadangan membangunkan sebuah konsep kolej kediaman lestari sebagai transformasi kepada kolej kediaman sewdia ada dilaksanakan. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan meneroka dan meneliti secara literatur elemen yang mampu mempengaruhi transformasi ke arah konsep kolej kediaman lestari di universiti awam Malaysia.

2. Latar Belakang dan Permasalahan Kajian

Kolej kediaman universiti merupakan sebuah binaan fizikal yang dikhaskan untuk penginapan pelajar universiti. Kolej kediaman berfungsi sebagai penyedia ruang bagi tujuan mendapatkan rehat, tidur, makan dan bersosial bagi para pelajar. Kolej kediaman sangat penting kerana mampu memberi kesan kepada kehidupan sebagai seorang pelajar ketika berada di universiti. Kolej kediaman merupakan sebahagian daripada komponen utama di dalam institut pengajian tinggi yang menyediakan kemudahan penginapan dan makanan serta mengadakan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar kepada mahasiswa di universiti [6]. Dalam setiap pembangunan sesebuah universiti, kolej kediaman merupakan komponen yang perlu dibangunkan bersama dan menjadi nadi kepada kehidupan warga universiti. Terdapat beberapa matlamat mengadakan kolej kediaman antaranya mewujudkan persekitaran yang bersesuaian untuk keperluan peribadi bagi mencapai prestasi diri yang baik [7]. Persekutuan yang bersesuaian ini termasuklah penyediaan kemudahan yang lengkap dan memenuhi keperluan penghuni bagi mencapai matlamat untuk cemerlang di universiti.

Kolej kediaman dibangunkan sebelum ini berdasarkan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak berkuasa seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Namun, garis panduan yang disediakan pada masa kini didapati kurang lengkap bagi memastikan segala keperluan penghuni disediakan dengan selesa dan konduksif khususnya yang melibatkan penyediaan kemudahan sokongan di kolej kediaman. Sebagai contoh, tiga garis panduan sedia ada telah diteliti iaitu pertama Garis Panduan Reka Bentuk Bangunan Asrama di Universiti Sains Malaysia (USM) (2004), terhad kepada 10 jenis kemudahan sahaja dan tidak meliputi persekitaran luar kolej kediaman. Garis panduan kedua iaitu Kompendium Perancangan dan Reka Bentuk Kampus Konduksif (2007) pula, tidak spesifik terhadap kolej kediaman dan fokus kepada persekitaran kampus. Garis panduan ketiga iaitu Garis Panduan Pengurusan dan Pembangunan Kemudahan Kolej Kediaman IPTA (2012), hanya memberi keutamaan kepada pengurusan dan kekurangan dalam persekitaran luar kolej kediaman. Bagi pihak yang melaksanakan projek pembangunan kolej kediaman pula, Jabatan Kerja Raya (JKR), garis panduan yang disediakan hanyalah bagi bangunan awam yang umum sahaja [8].

Kesannya timbul permasalahan terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan di kolej kediaman pada ketika ini iaitu [8]:

- i. Tidak ada atau tidak disediakan kemudahan yang boleh mencapai 'standard' keperluan pendidikan.
- ii. Kemudahan yang disediakan tidak mencukupi bagi menampung keperluan keseluruhan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Perak.
- iii. Kemudahan yang disediakan tidak merangkumi keperluan pelajar samada bagi tujuan akademik atau bukan akademik.
- iv. Kemudahan yang disediakan tidak mampu menjadi pendorong atau menyokong kepada kemajuan pelajar serta keselesaan pelajar di kolej.
- v. Kemudahan yang disediakan ketinggalan zaman, agak lama dan telah rosak.
- vi. Menjadi antara punca mengapa pelajar tidak berada di kolej pada hujung minggu

Perkara ini dibuktikan melalui penemuan kajian terhadap tiga buah universiti awam kluster penyelidikan yang mendapati bahawa penghuni kolej kediaman tidak berpuashati dengan kemudahan sokongan yang disediakan [10]. Kelemahan ini turut ditemui oleh KPT pada tahun 2012 yang mendapati bahawa kelemahan dalam aspek pembangunan kemudahan adalah meliputi aspek berikut [11]:

- i. Aspek ruang fizikal pelajar: tidak memenuhi piawaian Unit Perancangan Ekonomi

- ii. Aspek kemudahan asas bilik: kuantiti kemudahan dan kualiti yang merosot
- iii. Aspek kemudahan sokongan: kemudahan sokongan yang disediakan tidak dapat membantu aspek pembangunan pelajar
- iv. Aspek kemudahan pelajar kurang upaya: tidak memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa

Apabila berlakunya kelemahan dan kekurangan dalam penyediaan kemudahan di kolej kediaman akan memberi kesan secara langsung kepada penghuni. Ketidakselesaan merupakan kesan buruk yang datangnya hasil dari permasalahan dalam penyediaan kemudahan. Isu yang dikenangkan adalah berkaitan dengan ketidakselesaan pelajar di dalam ruang penginapan yang disediakan oleh pihak USM [12]. Terdapat beberapa kemudahan yang disediakan tidak memberi keselesaan [13]. Keadaan fizikal yang kurang baik memberi kesan langsung terhadap pencapaian dan disiplin pelajar [14]. Ketidakselesaan terhadap penyediaan perabot seperti meja belajar dan kerusi akan mengganggu fokus penghuni untuk proses pembelajaran. Pelajar tidak boleh memahami ataupun memproses maklumat dengan mudah jika persekitaran fizikalnya tidak selesa [15]. Manakala ketidakselesaan dengan peralatan tidur seperti set katil, bantal dan tilam akan mengganggu proses tidur dan waktu rehat penghuni. Tidur merupakan suatu keperluan asas manusia, sama seperti makan dan minum, dan adalah penting untuk kesihatan secara keseluruhan [16]. Proses pembelajaran penghuni akan terganggu akibat rasa mengantuk sama ada didalam kelas atau di luar kelas sekiranya pada waktu malamnya tidak mendapat rehat atau tidur yang mencukupi.

Kesan buruk seterusnya akan menjadikan kelestarian dalam kolej kediaman. Konsep pembangunan lestari menitikberatkan keseimbangan dalam aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial [17]. Dalam konteks dalam alam sekitar di kolej kediaman, sekiranya tidak diberikan pertimbangan yang wajar seperti tidak menyediakan ruang landskap secukupnya akan membawa kepada risiko kepanasan melampau, banjir dan tanah runtuh. Sebagai contoh, kurang pokok teduhan akan menyebabkan kolej kediaman menjadi lebih panas. Manakala kurangnya tumbuhan renek atau penutup bumi akan menyebabkan lebih air semasa hujan tidak dapat diserap dan menyebabkan masalah banjir atau tanah runtuh boleh berlaku. Risiko keselamatan yang tinggi akan menjadikan kolej kediaman tidak sesuai untuk didiami. Bencana alam seperti banjir, kebakaran dan tanah runtuh juga menjadi punca ketidakselesaan [18].

Kesan terhadap ekonomi dalam kolej kediaman pula akan membawa kepada peningkatan kos operasi kolej kediaman. Pembaziran penggunaan tenaga elektrik dan air akan berlaku yang menambah kos kewangan kolej kediaman. Trend penggunaan elektrik di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) menunjukkan penggunaan elektrik di kampus UUM adalah sentiasa meningkat tahun demi tahun [63]. Kesan kos penyelenggaraan yang tinggi akan meningkatkan lagi kos operasi kolej kediaman. Bangunan yang direka bentuk dengan tidak mengambil kira kehendak penghuni, sering menimbulkan masalah terutama dari segi pengubahsuaian [19].

Bagi aspek sosial di kolej kediaman pula, dimensi sosial adalah berkaitan dengan keharmonian sesebuah komuniti dalam kawasan perumahan atau penempatan. penghuni memerlukan suasana tenang dan mendamaikan untuk memberikan tumpuan dalam proses ulang kaji pelajaran [20]. Sekiranya suasana di kolej kediaman tidak kondusif seperti terlalu bising pasti akan menjadikan tumpuan penghuni seterusnya mampu memberi kesan kepada pencapaian akademik. Bunyi bising boleh berlaku apabila kolej kediaman dibangunkan terlalu hamper dengan kawasan industry, lebuhraya, stesen keretapi atau kawasan yang sememang akan menghasilkan bunyi yang kuat. Faktor utama yang menyumbang kepada stres (tekanan) pelajar wanita disebabkan oleh pencemaran

bunyi, udara dan air di sekitar tempat belajar dan menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya dalam pembelajaran [21].

Keseluruhan kesan negatif terhadap kelestarian di kolej kediaman akan menjelaskan aktiviti pembangunan akademik dan sahsiah diri penghuni yang akhirnya membawa kepada kemerosotan kualiti hidup penghuni. Kualiti hidup pelajar semasa berada di universiti sebahagiannya dipengaruhi oleh tempat kediaman mereka [13]. Kemudahan dan perkhidmatan di kolej kediaman merupakan faktor penting dalam memenuhi kehendak kualiti kehidupan di kolej kediaman [22]. Kualiti hidup masyarakat tercapai apabila aksebiliti terhadap sesuatu kemudahan mudah dicapai [23].

Dalam kajian ini, transformasi dalam konteks di kolej kediaman adalah dengan menerapkan konsep kelestarian bagi memastikan penyediaan kemudahan di kolej kediaman pada masa hadapan dapat memenuhi keperluan, selesa dan konduksif. Keperluan ini penting terutama bagi melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik iaitu cemerlang dari aspek akademik dan sahsiah diri. Sebelum kajian bagi transformasi kolej kediaman lestari dapat dilaksanakan menjadi keperluan bagi meneliti secara terperinci elemen yang diyakini mampu mempengaruhi dan memberi kesan kepada pembangunan kolej kediaman.

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif iaitu metodologi secara tinjauan literatur terhadap kajian lepas berkaitan kolej kediaman iaitu elemen kolej kediaman universit awam, Teori Keperluan Maslow, kemudahan di kolej kediaman, keselesaan penghuni, pembangunan lestari dan kualiti hidup. Hasil kajian menemukan maklumat kolej kediaman sebagai keperluan asas penghuni untuk hidup di universiti, keperluan pembangunan kemudahan yang konduksif untuk akademik dan sahsiah diri, keselesaan menjadi keutamaan penghuni, pembangunan lestari sebagai teras konsep kolej kediaman lestari dan kesan kepada kualiti hidup penghuni secara keseluruhan. Kajian lepas ini terdapat dalam jurnal, prosiding, kertas kerja, buku, laman sesawang dan laporan-laporan yang tidak diterbitkan. Dapatan kajian ini akan digunakan sebagai maklumat utama untuk transformasi ke arah sebuah kolej kediaman yang lestari bagi meningkatkan kualiti hidup penghuni.

3. Kolej Kediaman Universiti Awam Malaysia

Pada masa kini, pelbagai kolej kediaman telah dibangunkan untuk menempatkan pelajar universiti. Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti penyediaan dan perkhidmatan kolej kediaman. Namun, keperluan untuk mentransformasikan kolej kediaman supaya menjadi lebih bersifat konduksif dan selesa dalam aspek menjaga kebajikan penghuni tanpa meminggirkan aspek alam sekitar perlu dimulakan. Kolej kediaman merujuk kepada tempat penginapan dalam kampus sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di Malaysia [24]. Pelajar akan mendiami kolej kediaman dalam tempoh yang panjang antara setahun ke empat tahun malah ada yang lebih dari tempoh tersebut. Pelajar akan menghabiskan masa bersama-sama rakan mereka dengan persekitaran kolej kediaman dan kampus. Kolej kediaman pelajar sebagai merujuk kepada tempat kediaman siswa dan siswi [3]. Kolej kediaman merupakan kemudahan yang disediakan oleh universiti bagi penginapan pelajar [2]. Kolej kediaman merujuk kepada tempat tinggal pelajar apabila kediaman mereka berada jauh dari institusi pendidikan dan amat penting untuk pelajar [25]. Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk penginapan pelajar seperti kolej kediaman dan desasiswa di universiti awam yang lain [7]. Kawasan perumahan pelajar tidak seperti kawasan perumahan keluarga disebabkan perumahan pelajar terdiri daripada unit bilik tidur asas dengan pelbagai kemudahan perlu dikongsi seperti bilik mandi, tandas, dobi, dapur, ruang istirehat dan kafeteria [26].

Dalam menghasilkan pelajar yang bersifat holistik, kolej kediaman berperanan sebagai pelengkap terutama dalam pembangunan sahsiah diri pelajar. Aktiviti di luar kelas perlu dipertingkatkan di sekitar kolej kediaman. Oleh itu, kolej kediaman perlu dilengkapi dengan kemudahan yang secukupnya. Kolej kediaman bertindak sebagai pelengkap proses pembelajaran di universiti. Ini kerana sebahagian masa pelajar banyak digunakan di kolej kediaman selain daripada di fakulti [7]. Justeru, kolej kediaman bukan sahaja berfungsi sebagai sebuah tempat untuk tidur dan berehat malah juga berfungsi sebagai tempat aktiviti sosial pelajar sepanjang pengajian mereka. Kemudahan asrama di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia seharusnya menyediakan prasarana yang selesa dan menyenangkan bagi para pelajar yang bakal menjadi pemimpin Negara [19]. Asas kepada kehidupan yang berkualiti adalah kediaman yang mampu memberikan keselesaan pada penghuninya. Tanpa keselesaan dalam menghuni akan mengganggu emosi dan fizikal seseorang manusia seterusnya mampu mengugat kualiti hidupnya secara keseluruhan.

Pelbagai kajian telah dilakukan dalam mengkaji kesan terhadap pencapaian akademik pelajar yang tinggal di kolej kediaman. Kebanyakan penyelidik telah mengkaji kesan kehidupan di kampus berbanding kehidupan di luar kampus mendapat bahawa tinggal di dewan kediaman memberikan kesan positif dalam akademik dan pembangunan sosial [27]. Kesan tinggal di kolej kediaman adalah baik iaitu bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar malah turut meningkatkan secara positif pembangunan sosial seperti berkomunikasi dan bermasyarakat. Kehidupan dalam kolej kediaman membawa impak yang besar bukan sahaja kepada penghuninya tetapi juga orang yang rapat dengan penghuni kolej kediaman tersebut [28]. Mendiami dalam kampus pada masa kini dan akan datang memberikan kesan kepada akademik pelajar [29]. Secara umumnya, kolej kediaman pelajar pada masa kini bukan sahaja menyediakan kemudahan asas seperti tempat tinggal, bilik bacaan, dobi atau kantin malah juga menyediakan aktiviti sokongan bagi meningkatkan lagi pengetahuan pelajar seperti program motivasi atau kerohanian. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pihak yang bertanggungjawab mentransformasikan kolej kediaman supaya dapat menjamin keselesaan sepanjang pengajian.

4. Hasil Dapatan dan Perbincangan Kajian

4.1 Teori Keperluan Maslow: Kolej Kediaman Sebagai Keperluan Asas Pelajar

Teori Keperluan Maslow merupakan teori yang mendasari konsep kolej kediaman lestari sebagai transformasi dalam pembangunan kolej kediaman pada masa hadapan. Teori keperluan Maslow adalah teori tentang keperluan manusia dari peringkat asas hingga tertinggi. Hierarki Keperluan Maslow yang melibatkan lima peringkat keperluan yang menunjukkan pemeringkatan dalam keperluan manusia iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial dan penerimaan, keperluan penghargaan dan keperluan pencapaian hasrat diri [30]. Teori Keperluan Maslow mensyaratkan keperluan asas manusia seperti makan, minum dan tempat tinggal perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum keperluan lain dapat dipenuhi.

Teori keperluan Maslow juga berkaitan dengan motivasi iaitu apabila keperluan satu peringkat telah dipenuhi maka motivasi untuk ke peringkat lebih tinggi akan berlaku secara spontan. Individu akan lebih berkeyakinan pada dirinya sendiri jika tanggapan dan layanan yang positif dan baik diberikan kepadanya [31]. Begitu juga situasinya dalam penyediaan kolej kediaman yang kondusif. Penghuni akan mempunyai motivasi lebih tinggi untuk mencapai kejayaan sekiranya keadaan tempat tinggalnya selesa dan kondusif bagi tujuan pembelajaran, pembangunan sahsiah diri dan mendapatkan rehat secukupnya. Keperluan asas ini termasuklah penyediaan kantin bagi mendapat makanan yang berkhasiat dan berkualiti, keadaan kolej kediaman yang bebas dari pencemaran air,

udara dan bunyi yang boleh mengganggu proses pembelajaran dan mendapatkan rehat/tidur secukupnya. Kolej kediaman merupakan keperluan asas kepada pelajar universiti menjadi faktor utama yang perlu disediakan dengan selesa dan konduksif. Ketidakselesaan akan menyebabkan penghuni tidak berminat untuk tinggal lebih lama di kolej kediaman.

Dalam konteks membangunkan sebuah kawasan tempat tinggal seperti pembangunan kolej kediaman, Teori Keperluan Maslow ini bertepatan dengan peringkat fisiologi iaitu peringkat keperluan asas manusia yang melibatkan tempat tinggal atau kediaman. Peringkat ini adalah keperluan pertama yang perlu dipenuhi dengan sempurna sebelum keperluan lain dapat dicapai. Keperluan fisiologi adalah keperluan yang paling dasar yang harus dipenuhi oleh seorang individu [32]. Dalam konteks ini, kolej kediaman yang selesa merupakan satu keperluan kepada pelajar universiti sebagai manusia untuk meneruskan kelangsungan sepanjang berada di universiti. Sekiranya tempat tinggal pelajar tidak selesa dan tidak konduksif maka akan mengugat keseluruhan kehidupan pelajar yang mampu menjelaskan proses pembelajaran di universiti. Pembinaan kolej-kolej kediaman ini adalah bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal kepada pelajar dan dengan adanya kolej kediaman maka masalah penginapan dapat diselesaikan terutama kepada pelajar yang berasal dari jauh samada dalam atau luar negeri [33]. Oleh itu, Teori Keperluan Maslow berdasarkan kepada peringkat keperluan asas iaitu keperluan fisiologi dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa dan konduksif adalah bersesuaian sebagai teori yang mendasari kajian pembangunan konsep kolej kediaman lestari.

4.2 Pengaruh Kemudahan Sokongan di Kolej Kediaman

Transformasi kolej kediaman lestari melibatkan pembangunan kemudahan sokongan yang lengkap dan bertepatan dengan keperluan penghuni. Kemudahan sokongan merupakan faktor yang penting perlu diteliti disebabkan kemudahan ini akan membantu penghuni dari aspek pembangunan akademik dan sahsiah diri. Berbeza dengan perumahan awam, kemudahan dan ruang yang disediakan menumpukan kepada kegunaan secara persendirian dan berkeluarga. Malah kemudahan sokongan bagi pembangunan akademik tidak disediakan seperti bilik belajar, bilik ICT, perpustakaan, pusat sumber, bilik felo dan pejabat pentadbiran. Sebuah universiti yang sedang berkembang ke arah universiti bertaraf dunia banyak faktor yang perlu diambil kira, antaranya ialah adalah dari aspek kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh universiti kepada pelajar sebagai pelanggan [36]. Kemudahan kediaman pelajar atau asrama di institusi pengajian tinggi seperti universiti merupakan tempat tinggal pelajar untuk tidur, beristirehat, menyimpan perkakas dan peralatan serta barang peribadi pelajar dengan selesa dan selamat [2].

Kemudahan penginapan asrama di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia seharusnya menyediakan prasarana yang selesa dan menyenangkan bagi para pelajar yang bakal menjadi pemimpin Negara [19]. Kemudahan asas di kolej kediaman mempunyai maksud yang sama dengan prasarana iaitu keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan dan perhubungan, bekalan kuasa elektrik dan lain-lain) yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan infrastruktur [1]. Tanpa kemudahan asas yang lengkap akan menyukarkan proses kehidupan di kolej kediaman dan menganggu rutin pembelajaran pelajar. Masalah seperti tekanan air rendah, kepadatan penghuni bilik, kekurangan bilik bacaan, tiada kemudahan internet dan sebagainya sudah tentu akan memberikan tekanan emosi kepada pelajar dan tekanan emosi yang berpanjangan sudah tentu mendatangkan masalah kesihatan yang serius. Komponen kemudahan utama yang disediakan oleh kolej kediaman universiti iaitu [35]:

- i. Bilik tidur: Komponen yang paling penting dalam penyediaan kemudahan di kolej kediaman. Bilik tidur di kolej kediaman adalah jenis pelbagai fungsi yang menggabungkan kemudahan ruang tamu, pembelajaran akademik dan ruang tidur.
- ii. Bilik mandi: Perlu disediakan dalam setiap kolej kediaman bagi tujuan kebersihan diri penghuni.
- iii. Pusat dobi: Kemudahan ini perlu disediakan dengan saiz yang sesuai bagi menampung jumlah penghuni.
- iv. Pantri: Merupakan kemudahan dapur dengan ruang makan. Kolej kediaman yang baik perlulah menyediakan pantri bagi mewujudkan suasana atau persekitaran seperti berada di rumah. Malah beberapa penyelidik telah menyatakan bahawa penyediaan kemudahan pantri adalah perlu.
- v. Bilik belajar: Setiap kolej kediaman perlu menyediakan bilik belajar.
- vi. Bilik komputer: Penyediaan bilik komputer membolehkan penghuni mendapatkan internet bagi tujuan pembelajaran.
- vii. Bilik TV: Penyediaannya bagi memenuhi keperluan sosial, rekreasi dan hiburan bagi penghuni.
- viii. Bilik mesyuarat: Penyediaannya sebagai ruang penghuni menjalankan aktiviti perbincangan.
- ix. Lobi: Kawasan awam yang mempunyai ruang formal dan tidak formal supaya dapat diakses dengan selesa kepada penghuni dan pelawat. Kawasan ini juga boleh berfungsi sebagai ruang membaca.
- x. Musalla: Bagi kegunaan penghuni dan pelawat beragama islam.
- xi. Perkhidmatan sokongan: Penyediaannya bagi tujuan membantu kelancaran kehidupan penghuni seperti penyediaan pasar mini, kedai 24 jam, mesin ATM, lif, kedai buku, kawalan keselamatan, peralatan kebakaran dan sebagainya.

Kecemerlangan pelajar dalam akademik bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian fakulti malah juga boleh dikaitkan dengan keadaan kolej kediaman. Kolej kediaman yang selesa dihuni dapat meningkatkan daya tumpuan pelajar terutama apabila mereka memerlukan suasana tenang dan damai untuk mengulang kaji pelajaran. Oleh itu, adalah perlu kolej kediaman sentiasa mampu memberikan keselesaan kepada pelajar melalui kemudahan yang disediakan seperti bilik komputer, pusat sumber, bilik ulang kaji dan sebagainya. Kolej kediaman semestinya menyediakan segala kemudahan untuk meningkatkan prestasi pelajar [36]. Kebanyakan penyelidik telah mengkaji kesan kehidupan di kampus berbanding kehidupan di luar kampus mendapati bahawa tinggal di dewan kediaman adalah memberikan kesan positif dalam akademik dan pembangunan sosial [37]. Namun, pada masa kini masih tidak dapat dipastikan keadaan kemudahan yang disediakan lengkap atau memenuhi keperluan bagi menyokong aktiviti pembelajaran penghuni. Apabila kemudahan-kemudahan ini dapat digunakan dengan selesa oleh penghuni maka secara tidak langsung mampu meningkatkan prestasi pembelajaran penghuni seterusnya menjadikan kolej kediaman sebagai kawasan yang konduksif.

Secara teorinya tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan institusi pengajian dapat dipenuhi apabila keperluan dan kehendak dipenuhi dengan sewajarnya [38]. Sesungguhnya apa yang lebih penting adalah pelajar-pelajar yang mendiami kolej kediaman mendapat kepuasan dan dapat menikmati suasana pembelajaran yang selesa serta berpuas hati dengan pengurusan kolej kediaman [39]. Kolej kediaman bukan sahaja tempat untuk menginap malah sebagai pusat pengkongsian maklumat antara pelajar dari pelbagai latar belakang, akademik, kursus, tahun, bangsa dan negara. Aktiviti-aktiviti ini menjadikan kolej kediaman sebagai nadi kepada kehidupan di universiti kerana kolej kediaman adalah pusat di mana pelajar berkumpul, bersosial dan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat kampus.

4.3 Keselesaan Penghuni di Kolej Kediaman

Transformasi kolej kediaman lestari bertujuan meningkatkan kualiti hidup penghuni melalui penyediaan kemudahan yang selesa dan kondusif. Isu ketidaksesuaian seperti telah dibincangkan sebelum ini berlaku kesan dari kelemahan dan kekurangan dalam penyediaan kemudahan. Kolej kediaman yang selesa didiami akan meningkatkan motivasi penghuni untuk terus berada di kolej kediaman. Keselesaan dan persekitaran fizikal kampus adalah kriteria penting yang menjadi tarikan kepada mahasiswa dan mempengaruhi/menentukan keselesaan mereka terhadap sesbuah institusi [40]. Antara faktor pelajar kurang minat terhadap sesuatu pelajaran disebabkan oleh persekitaran yang tidak menyenangkan [41]. Keselesaan adalah keadaan kepuasan dengan sesuatu atau kebebasan dari kesakitan dan kebimbangan serta keadaan yang gembira dengan sesuatu [42]. Sekiranya kolej kediaman tidak dapat memberikan keselesaan kepada penghuni maka akan berlaku pelbagai permasalahan pada masa hadapan yang akan memberi kesan buruk kepada kehidupan penghuni. Persekitaran dalam kolej kediaman juga adalah amat penting dalam membantu meningkatkan keselesaan penghuni mengulang kaji pelajaran [39]. Penghuni tidak dapat menumpukan proses pembelajaran sekiranya keadaan fizikalnya tidak selesa. Kemudahan dan perkhidmatan yang banyak akan menyebabkan perjalanan hidup di sesuatu tempat adalah lebih mudah dan selesa [22].

Bilik penghuni sebagai bilik pelbagai fungsi menyediakan ruang tidur/rehat dan ulang kaji pelajaran merupakan ruang utama kolej kediaman. Fungsi utama kolej kediaman adalah menyediakan kemudahan penginapan kepada pelajar terutama yang tinggal jauh dari rumah. Dalam konteks kehidupan pelajar di kolej kediaman, penyediaan bilik penghuni perlulah mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan sebagai seorang pelajar. Penyediaan kemudahan seperti meja belajar dan kerusi yang sesuai dan selesa amat penting bagi memastikan penghuni dapat melakukan aktiviti pembelajaran seperti ulang kaji atau tugas semasa berada di kolej kediaman dengan selesa. Pelajar tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sekiranya mereka tidak selesa dengan peralatan kerusi meja yang disediakan [43]. Kerusi dan meja tidak hanya penting untuk tujuan pekerjaan semata-mata tetapi dalam proses atau aktiviti pembelajaran ia juga adalah merupakan elemen yang utama [44]. Kenyataan ini membuktikan bahawa terdapatnya pengaruh kemudahan dalam bilik terhadap proses pembelajaran penghuni. Malah ketidaksesuaian terhadap penyediaan perabot seperti kerusi mampu memberikan kesan kepada kesihatan penghuni. Walaupun hanya duduk di kerusi dikatakan tidak melakukan kerja berat namun turut memberi kesan kepada tubuh badan manusia [45]. Antara kesan jangka masa panjang yang disebutkan termasuklah sakit belakang (back pain), masalah urat timbul (varicose veins), kekejangan leher, kebas kaki (numb) dan sakit kepala.

Bilik penghuni kolej kediaman sebagai bilik pelbagai fungsi. Selain menyediakan kemudahan untuk tujuan pembelajaran, bilik penghuni turut menyediakan kemudahan untuk istirehat atau tidur. Kemudahan katil, tilam dan bantal yang tidak selesa akan mengganggu aktiviti rehat atau tidur penghuni yang boleh menjaskan kesihatan dan motivasi penghuni [46]. Tidur amat diperlukan oleh setiap manusia untuk memastikan badan mendapat rehat yang secukupnya, seseorang itu mestilah mendapatkan tidur yang berkualiti, iaitu pola tidur yang nyenyak dalam jangka masa yang cukup [47]. Sekiranya penghuni tidak mendapat waktu rehat dan tidur secukupnya akan mengganggu aktiviti sehari-hari penghuni termasuk dalam proses pembelajarannya. Gangguan tidur yang berpanjangan akan mengakibatkan perubahan-perubahan biologi, menurun daya tahan tubuh serta menurunkan prestasi kerja, mudah tersinggung, tekanan, kurang tumpuan, keletihan, yang pada akhirnya dapat mempengaruhi keselamatan diri sendiri atau orang lain [48].

Oleh itu, kajian menyimpulkan penyediaan ruang bilik penginapan yang selesa dan kondusif diperlukan bagi memastikan aktiviti penghuni berjalan dengan lancar.

4.4 Konsep Pembangunan Lestari Sebagai Transformasi kepada Kolej Kediaman Lestari

Konsep pembangunan lestari merupakan sebuah konsep yang bersesuaian diterapkan ke arah transformasi kolej kediaman lestari. Konsep pembangunan lestari mempunyai matlamat bagi kesejahteraan hidup manusia dan alam sekitar dengan pemeliharaan sumber-sumber semulajadi. Kehidupan yang selesa dan kondusif perlu dikekalkan pada hari ini dan pada masa hadapan untuk mencapai kelestarian dalam konteks kehidupan pelajar di kolej kediaman. Pembangunan bermaksud sesuatu kebaikan atau improvement dan membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik untuk individu dan masyarakatnya [18]. Idea kelestarian pembangunan meliputi sebarang unsur yang boleh saling mempengaruhi persekitaran fizikal [49]. Pembangunan lestari ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka [50].

Pembangunan konsep kolej kediaman lestari perlu meneliti setiap dimensi kelestarian iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial. Konsep kelestarian menekankan tiga dimensi penting dan saling berkaitan dalam pembangunan sesebuah negara iaitu pertumbuhan alam sekitar, ekonomi dan sosial [5]. Pembangunan bandar yang lestari harus melibatkan tiga asas tersebut seperti air dan udara yang bersih (Alam Sekitar), kehidupan sosial yang harmoni (Sosial) dan pertumbuhan ekonomi yang pesat (Ekonomi) [51]. Sebarang permasalahan yang berlaku seperti pencemaran air dan udara atau berlaku pembaziran dalam penggunaan sumber air atau tenaga elektrik akan menjelaskan dimensi-dimensi kelestarian ini seterusnya mampu memberi kesan buruk kepada penempatan manusia khas dalam konteks kolej kediaman.

4.4.1 Dimensi alam sekitar di kolej kediaman

Alam sekitar merupakan salah satu aspek yang mempengaruhi kualiti hidup manusia. Sekiranya berlaku sebarang gangguan terhadap ekosistem alam sekitar akan mengundang masalah kepada manusia. Masalah-masalah yang timbul seperti banjir besar, tanah runtuh dan pencemaran wabak penyakit. Permasalahan ini boleh terjadi apabila kolej kediaman tidak mempertimbangkan sebaiknya aspek pemeliharaan alam sekitar dalam pembangunannya. Masalah pencemaran tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pencemaran udara: Salah satu masalah utama alam sekitar adalah pencemaran udara. Pencemaran udara di negara maju banyak disebabkan oleh faktor pelepasan gas berbahaya kepada kesihatan manusia yang dihasilkan oleh industri dan pengangkutan [52]. Dalam membangunkan kolej kediaman lestari keutamaan perlulah kepada penyediaan kemudahan pengangkutan mesra alam seperti basikal dan laluan pejalan kaki supaya dapat mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor yang mampu mencemarkan udara.
- ii. Pencemaran air: Sumber air merupakan tunggak kepada kehidupan di muka bumi ini tetapi air juga tidak dapat dielak daripada turut sama menerima impak pembangunan dan seterusnya tercemar [52]. Masalah pencemaran air berlaku apabila kolej kediaman tidak merancang dengan baik pengendalian sisa-sisa sampah yang boleh menyebabkan sistem peparitan seperti longkang, tasik atau kawasan tadahan air berhampiran kolej kediaman tercemar.
- iii. Pencemaran bahan buangan pepejal: Sisa pepejal merupakan hasil buangan daripada aktiviti sosio-ekonomi manusia yang mempunyai sifat kotor dan dianggap tidak berguna dan pengurusan sisa pepejal adalah antara masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan bandar di negara

membangun [53]. Kolej kediaman turut menghasilkan sampah atau bahan buangan pepejal. Oleh itu, pengurusan terhadap bahan buangan pepejal ini perlu diuruskan dengan baik oleh pihak pengurusan kolej kediaman supaya tidak menjelaskan kehidupan penghuni.

Dalam konteks kolej kediaman, pencemaran-pencemaran tersebut akan berlaku sekiranya kolej kediaman tidak dirancang, dibangunkan dan diuruskan dengan teliti. Masalah seperti kepanasan melampau, banjir, tanah runtuh dan keracunan boleh berlaku pada masa akan datang seterusnya menjelaskan keselamatan penghuni. Pembangunan kolej kediaman lestari akan memastikan pertimbangan terhadap aspek alam sekitar diberikan perhatian sewajarnya. Pembangunan reka bentuk landskap yang bersesuaian dengan keadaan ekologi tapak kolej kediaman akan membantu memperbaiki persekitaran kolej kediaman. penanaman tumbuhan landskap dari pokok teduhan, renek dan penutup bumi akan memastikan kolej kediaman mempunyai persekitaran yang baik dari aspek suhu, kawalan banjir dan pencegahan tanah runtuh. Pembangunan kolej kediaman yang mempertimbangkan aspek kelestarian alam sekitar mampu mengelak dari berlaku bencana akibat perbuatan manusia. Oleh itu, pada masa akan datang setiap kolej kediaman perlu memastikan pembangunan tidak menjelaskan alam sekitar bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan keharmonian kehidupan.

4.4.2 Dimensi ekonomi di kolej kediaman

Dalam dimensi ekonomi, pembangunan lestari melibatkan aspek-aspek seperti kewangan, perbelanjaan, sumber alam, sumber manusia, pembasmian kemiskinan dan sebagainya. Pembolehubah ekonomi dalam kelestarian boleh dilihat melalui pendapatan atau perbelanjaan, cukai, faktor-faktor iklim perniagaan, pekerjaan, dan faktor-faktor kepelbagaiannya perniagaan [54]. Dalam pembangunan lestari iaitu pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, ekonomi ini melibatkan pertambahan peluang pekerjaan, penggunaan yang meningkat, pelaburan asing serta kadar pengangguran dan kemiskinan yang berkurang [55].

Dalam konteks pembangunan kolej kediaman pula, dimensi ekonomi melibatkan penggunaan sumber seperti air, elektrik, kewangan dan sebagainya yang melibatkan kos operasi kolej kediaman. Faktor dimensi ekonomi tidak mencapai kelestarian sekiranya berlaku pembaziran dari segi penggunaan tenaga elektrik dan air yang berlebihan dan kos penyelenggaraan yang tinggi. Permasalahan ini boleh berlaku apabila penghuni tidak mendapat kemudahan yang secukupnya yang menyebabkan mereka membawa peralatan tambahan sendiri ke dalam kolej kediaman. Faktor alam sekitar juga mampu menyumbang kepada ketidaklestarian dimensi ekonomi apabila berlaku pemanasan sekitar kolej kediaman akibat kurang perhatian terhadap kawasan landskap akan meningkatkan penggunaan alat elektrik seperti kipas dan penghawa dingin yang pasti akan meningkatkan kos operasi kolej kediaman.

4.4.3 Dimensi sosial di kolej kediaman

Dimensi sosial adalah berkaitan dengan keharmonian sesebuah komuniti dalam kawasan perumahan atau penempatan. Interaksi dan ikatan yang kuat antara masyarakat yang berbilang kaum dan pelbagai anutan agama adalah sangat penting dalam sebuah struktur sosial [51]. Dimensi sosial adalah satu komuniti atau wilayah dan boleh termasuk pengukuran pendidikan, ekuiti dan akses kepada sumber-sumber sosial, kesihatan dan kesejahteraan, kualiti hidup, dan modal social [54].

Dalam konteks dimensi sosial di kolej kediaman pula, merupakan sebuah komuniti perumahan pelajar yang melibatkan pelbagai latar belakang tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu

mencapai kecemerlangan dalam akademik dan sahsiah diri. Pelajar yang tinggal di kolej kediaman merupakan komuniti mahasiswa yang memerlukan suasana atau keadaan persekitaran selesa dan memuaskan terutama ketika hendak melakukan aktiviti berkaitan pembelajaran, pembangunan sahsiah diri dan berehat. Suasana atau persekitaran yang tidak tenteram, tidak memberikan kedamaian seperti berlaku kebisingan, berlaku masalah pencerobohan, tiada penghormatan kepada hak peribadi dan sebagainya di kolej kediaman akan mendatangkan rasa tidak bermotivasi, tidak bersemangat dan tidak mampu menumpukan kepada pembelajaran. Permasalahan ini akan menjadikan kehidupan dan pembelajaran pelajar yang berada dalam komuniti kolej kediaman. Permasalahan ini akan menyebabkan kolej kediaman tidak mencapai kelestarian.

4.5 Transformasi Kolej Kediaman Lestari Meningkatkan Kualiti Hidup Penghuni di Kolej Kediaman

Matlamat utama transformasi kolej kediaman lestari adalah bagi membangunkan sebuah kolej kediaman yang selesa dan konduksif untuk didiami oleh pelajar universiti tanpa memberikan impak yang buruk kepada alam sekitar. Pada akhirnya transformasi kolej kediaman lestari ini akan membawa kepada peningkatan kualiti hidup pelajar universiti secara keseluruhannya. Konsep kualiti hidup merupakan satu perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan daripada keadaan tidak memuaskan kepada keadaan yang memuaskan atau lebih baik dari sebelumnya. Kualiti hidup merangkumi semua aspek kehidupan dalam individu dan masyarakat. Kualiti kehidupan merupakan sebuah konsep yang menekankan keadaan kehidupan yang lebih baik, dengan mempertimbangkan pelbagai faktor yang mempengaruhinya seperti fizikal, psikologikal, ekonomi, kebudayaan, politik, alam sekitar dan sebagainya [56]. Penunjuk kualiti hidup menggambarkan gabungan antara pendapatan, kesihatan, pekerjaan, pendidikan, perumahan, rekreasi dan kawasan lapang [57]. Pentakrifan tentang kualiti hidup menunjukkan betapa sukar ditakrifkan, kerana membawa kepada konsep yang pelbagai. Kualiti hidup bukan sahaja melibatkan taraf kehidupan masyarakat, bahkan turut menggambarkan tentang kebendaan, ketersediaan dan ketersampaian kemudahan sosial, ekonomi, pengangkutan dan infrastruktur serta pilihan kemudahan rekreasi dan taman [58]. Ini bermakna kualiti hidup bukan hanya merujuk kepada satu aspek sahaja malah melibatkan gabungan beberapa aspek.

Dalam konteks kehidupan pelajar di kolej kediaman pula, kualiti hidup dapat dipertingkat apabila segala kemudahan pelajar dapat dipenuhi sebaik mungkin. Keadaan di kolej kediaman seperti persekitaran tidak menarik, kemudahan asas yang tidak memuaskan, bilik yang padat dan sempit, kekurangan kawasan riadah dan sebagainya akan menyebabkan ketidakselesaan dalam kehidupan pelajar dan seterusnya memberikan kesan yang buruk terhadap prestasi akademik mereka. Kualiti hidup manusia boleh dibahagikan kepada lapan prinsip utama iaitu kesejahteraan emosi, hubungan interpersonal, kesejahteraan perkakasan, perkembangan personal, kesejahteraan fizikal, pembuatan keputusan, hubungan sosial, dan hak [59]. Kolej kediaman perlulah memastikan prinsip-prinsip tersebut dalam keadaan memuaskan supaya tidak timbul kesan yang negatif kepada fizikal dan mental pelajar yang menjadi penghuninya.

Beberapa faktor seperti air, udara, kualiti tanah dan ketersediaan kawasan hijau mempengaruhi kualiti kehidupan [56]. Ini bermakna kolej kediaman juga perlu dibangunkan dengan reka bentuk bersesuaian dalam tapak pembangunannya bagi membolehkan penghuni mendapat udara yang segar, cahaya yang secukupnya dan terlindung dari kejadian bencana seperti banjir dan tanah runtuh. Perkara-perkara yang dinyatakan tersebut sebenarnya adalah asas kepada kedudukan kualiti hidup penghuni sesebuah kediaman bagi mencapai keselesaan dan selamat. Namun, persoalan timbul iaitu bagaimanakah kolej kediaman ini berfungsi dengan baik bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan pembangunan sosial pelajar sekiranya dari awal perancangannya sudah

tidak memenuhi keperluan kehidupan pelajar?. Persoalan ini menjurus kepada persoalan berkaitan aspek kualiti hidup, alam sekitar, perancangan, fasiliti dalam dan luar bangunan, reka bentuk, landskap kolej kediaman bagi mencapai kesejahteraan hidup pelajar didalamnya [61].

Dalam konteks kehidupan penghuni di kolej kediaman terdapat lapan aspek bagi menentukan kepuasan terhadap kualiti hidup pelajar ketika berada di kolej kediaman iaitu [28]:

- i. Persekitaran kolej kediaman: Suasana pembelajaran, suasana waktu tidur, tahap keakraban atau kemesraan, peluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan orang lain, tahap kesedaran kemasyarakatan pada aras kediaman, tahap tindakan staf terhadap tahap kebisingan, tahap penghormatan orang lain terhadap hak peribadi dan kebebasan daripada sebarang bentuk pencabulan atau gangguan.
- ii. Kemudahan dan perkhidmatan: Berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan, perkhidmatan pembersihan, keadaan fizikal, perkhidmatan televisyen, waktu melawat yang dibenarkan, vending machine, mesin basuh, lampu belajar dan sebagainya. Kemudahan untuk kegunaan bersama atau ramai juga telah disediakan di setiap aras seperti televisyen, ampaian, tandas serta lif.
- iii. Layanan Kakitangan dan Ahli Jawatan Kuasa Mahasiswa: Layanan kakitangan dan Ahli Jawatankuasa Mahasiswa (AJKM) juga merupakan aspek penting dalam mewujudkan kehidupan yang selesa di kolej kediaman.
- iv. Pentadbiran pejabat pengurusan: Perkhidmatan yang cekap dan mesra serta prihatin oleh kakitangan kolej amat penting untuk memastikan segala urusan berkaitan dengan kehidupan di kolej berjalan dengan lancar.
- v. Keseluruhan pengalaman kehidupan di kolej kediaman: Pengalaman tinggal di asrama semasa zaman persekolahan banyak membantu siswa-siswi melangkah masuk ke pusat pengajian tinggi atau gerbang pekerjaan.
- vi. Pengawasan dan keselamatan: Pengawasan dan keselamatan di kolej kediaman amat perlu diberi perhatian serius.
- vii. Program dan aktiviti yang dijalankan: Aktiviti atau program untuk siswi-siswi bersukan atau beriadah selepas penat belajar untuk memenuhi masa lapang.
- viii. Perkhidmatan Kafetaria: Masa adalah amat berharga kepada mahasiswa. Ini kerana mereka perlu mengejar masa untuk melakukan aktiviti mengulang kaji pelajaran. Oleh yang demikian kemudahan kafetaria yang diuruskan dengan baik dan dapat menyediakan perkhidmatan makanan dengan cepat dan cekap

Pembangunan kolej kediaman yang lestari mampu meningkatkan kedudukan kualiti hidup penghuni supaya mereka dapat menjalankan aktiviti pembelajaran dan pembangunan diri dengan selesa seterusnya meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka. Matlamat universiti melahirkan pelajar yang pintar dan bersahsiah tinggi juga dapat dicapai melalui kolej kediaman lestari. Kolej kediaman adalah sebuah tempat yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi mempunyai kemahiran yang pelbagai dalam semua bidang [62].

5. Kesimpulan

Transformasi kolej kediaman lestari mempunyai matlamat yang jelas bagi memastikan keselesaan penghuni berada dalam kedudukan terbaik dari aspek penyediaan kemudahan pembangunan akademik dan sahdiri diri. Konsep pembangunan lestari digunakan sebagai teras dalam menyediakan kemudahan yang lengkap dan konduksif di kolej kediaman pada masa hadapan. Penelitian terhadap beberapa elemen berkaitan kolej kediaman seperti Teori Keperluan

Maslow sebagai asas pengkajian, penyediaan kemudahan pada masa kini, keselesaan penghuni dan sebagainya telah membawa kepada penemuan maklumat yang berguna sebagai input kepada transformasi kolej kediaman lestari. Pengkajian lepas menunjukkan penyediaan kemudahan di kolej kediaman sememangnya akan membantu penghuni dalam melaksanakan pelbagai aktiviti. Penyediaan kemudahan yang lengkap dan kondusif juga turut mempengaruhi keselesaan penghuni sepanjang berada di kolej kediaman.

Kolej kediaman berfungsi sebagai kawasan perumahan pelajar universiti. Kolej kediaman menyediakan kemudahan bagi tujuan penginapan turut menyediakan kemudahan bagi menyokong aktiviti akademik dan pembangunan sahsiah diri penghuni. Penyediaan kemudahan yang tidak lengkap, rosak atau tidak berfungsi akan menjelaskan kelangsungan hidup penghuni terutama dari aspek pembangunan akademik. Kesan akhirnya akan membawa kepada kemerosotan kualiti hidup secara keseluruhannya. Oleh itu, transformasi kolej kediaman pada masa hadapan perlu menyediakan pelbagai kemudahan yang lengkap dan kondusif untuk kegunaan penghuni terutama bagi aktiviti akademik dan pembangunan sahsiah diri seterusnya meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan.

Rujukan

- [1] Hassan, Mat, and Siti Norhaslida. "Persepsi Mahasiswa Terhadap Kemudahan Asas Yang Disediakan Di Kolej Kediaman Pelajar, Utm, Skudai." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2000.
- [2] Alwee, M. F., Fairus Muhamad Darus, and Zitty Sarah. "Selamatkah Kolej Kediaman Untuk Pelajar Kita." In *Proc. Conf. on Seminar Tadbir urus Kemudahan Kediaman Pelajar Se-Malaysia*, Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis. Universiti Teknologi Mara. 2008.
- [3] Mohd Tahir, L, Mohd Yusof, S and Mohd Nawi, S. "Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar". Universiti Teknologi Malaysia. 2011. pp. 1-10. (Tidak diterbitkan)
- [4] Yahaya, Nurizan. "Kualiti perumahan dan kualiti hidup." *Analisis* 5, no. 1&2 (1998): 133-149.
- [5] Shafii, Haryati, Ta Wee Seow, and Azlina Md Yassin. "Kolej Kediaman Lestari [KKL] di Malaysia: Kajian awalan terhadap kesesuaian konsep." (2013).
- [6] Darus, Fairus Muhamad. "Budaya Penyelenggaraan Kemudahan Kolej di Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes di Kolej Melati, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam." (2006).
- [7] Anuar, Mazura, Fairus Muhamad Darus, and Syed Yusainee Syed Yahya. "Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam." (2006).
- [8] Shamsuddin, Shuhana, Ahmad Bashri Sulaiman, Hasanuddin Lamit, Rozeyta Omar, Norsiah Abd Aziz, and Masliyana Md Noor. "Kriteria Reka Bentuk Persekuturan Kampus Yang Kondusif Bagi Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia." *University Teknologi Malaysia (2007 (b))* (2007).
- [9] Mohid, Mohamed Noor, Aszhar Ab Rahman, and Idrus Abd Shukor. "Kajian keperluan kemudahan pelajar di Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Cawangan Perak Darul Ridzuan." (2003).
- [10] Najib, Nurul'Ulyani Mohd, and Norazmawati Md Sani. "The effects of students' socio-physical backgrounds onto satisfaction with student housing facilities." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 62 (2012): 64-74.
- [11] Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). "Buku Garis panduan pengurusan dan pembangunan kemudahan kolej kediaman IPTA". Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya. 2012.
- [12] Sarl, Mohd, and Kamarul Aini. "Kajian keselesaan terma di penginapan pelajar Universiti Sains Malaysia." PhD diss., Universiti Sains Malaysia, 2003.
- [13] Yaacob, Mohd Asmedi, and Zurina Yasak. "Pengaruh penginapan ke atas disiplin pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia." (2008).
- [14] Selamat, R., Ungku Ahmad, U.N.K., Abd Razak, N.Z., Ali, L., Abd Aziz, A., Sheikh Ahmad, F. & Ahmad Khalid, A. "Kajian Ke Atas Persekuturan Pengajaran Dan Pembelajaran Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia: Ke Arah Pembentukan Persekuturan Yang Optimum Dalam Mencapai Kecemerlangan Pengajaran Dan Pembelajaran". Vot Penyelidikan: 75012. Universiti Teknologi Malaysia. 2004.
- [15] Knirk dalam Shamsuddin, S., Sulaiman, A.S., Lamit, L., Abd. Aziz, N., Omar, R. & Md Noor, M. "Kriteria reka bentuk persekitaran kampus yang kondusif bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia". Laporan Projek. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru. 2007. (Tidak diterbitkan)

- [16] Ahmad, H. A. "Penyebab Pelbagai Penyakit". Diperoleh daripada <http://www.hmetro.com.my/node/216298>. 2017
- [17] Syed Zakaria, S.Z. "Pengetahuan terhadap alam sekitar dalam pendidikan sains sekolah rendah atas pembangunan lestari. Pembangunan Lestari di Malaysia: Harapan dan kenyataan". Dewan Bahasa dan Pustaka. 261-277. 2014.
- [18] Abdul Rahman, H. "Pembangunan dan Keterancaman Alam Sekitar. Manusia dan Kelestarian Persekutaran". 11-22. Penerbit UMT. 2012.
- [19] Fadzil, Fairuz Syed. *Garis panduan reka bentuk bangunan asrama di Universiti Sains Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2004.
- [20] Buyung, M. R, & Shafii, H. "A Preliminary Study Of The Concept Of Sustainable Residential College: The Comfort Of The Resident Room At A Residential College Of Malaysian Public University". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. No 1 (2017) 114-126.
- [21] Mustafa, Mohamad Zaid, Ali Suradin, Siti Sarah Muhammad, Ahmad Rizal Madar, and Abdul Rashid Razzaq. "Kajian stres dalam kalangan pelajar wanita program Sarjana Muda Kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)." (2009): 1-17.
- [22] Said, Hamdan Bin, and Norma Suzila Binti Ahmad. "Kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai." (2008).
- [23] Mazdi, M., Nurul Ain RK, M. Z. Rosmiza, Muhammad Hasbi AR, and M. J. Jabil. "Kualiti perkhidmatan pengangkutan air awam di pedalaman Hulu Tembeling, Pahang (Service Quality of Water Public Transport in Rural Area in Hulu Tembeling, Pahang)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12, no. 14 (2016).
- [24] Hassan, Mat, and Siti Norhaslida. "Persepsi Mahasiswa Terhadap Kemudahan Asas Yang Disediakan Di Kolej Kediaman Pelajar, Utm, Skudai." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2000.
- [25] Suki, Norazah Mohd, and Iftekhar Amin Chowdhury. "Students' Attitude and Satisfaction Living in Sustainable On-Campus Hostels." *Malaysian Journal of Business and Economics (MJBE)* 2, no. 1 (2015).
- [26] 'Ulyani Mohd Najib, Nurul, Nor Aini Yusof, and Nazirah Zainul Abidin. "Student residential satisfaction in research universities." *Journal of Facilities management* 9, no. 3 (2011): 200-212.
- [27] Rinn, Anne. "Academic and social effects of living in honors residence halls." (2004).
- [28] Said, H. & Talam, P. Kepuasan Mahasiswa Mahasiswa Terhadap Kualiti Kehidupan Di Kolej Tun Dr.Ismail, Universiti Teknologi Malaysia". Universiti Teknologi Malaysia. 2010. (Tidak diterbitkan)
- [29] Thompson, K. "Benefits Of On-Campus Housing For Students". Courtesy Of The Southwest Association Of College And University Housing Officers. 2007.
- [30] Zulkepli, M. "Pembangunan model penentuan keperluan perumahan. Kajian kes: Johor Bahru, Malaysia". Tesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 2011. (Tidak diterbitkan)
- [31] Yahaya, A. & Ahmad, N. "Teori-Teori Konsep Kendiri". Diperoleh daripada, <http://eprints.utm.my/10368/>. 2010.
- [32] Adam, M. "Kritik dan Kelemahan Teori Abraham Maslow Motivasi" Diperoleh daripada https://www.academia.edu/17353282/Kritik_dan_Kelemahan_Teori_Abraham_Maslow_Motivasi. 2015.
- [33] Abdullah, N.Q. & Hassim, I. "Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Yang Menginap Di Kolej 17 UTM Skudai, Johor". pp. 1-8. Diperoleh daripada <http://eprints.utm.my/10815/>. 2010,
- [34] Kassim, Nurul'ain. "Tahap kepuasan pelajar antarabangsa terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia." PhD diss., Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012.
- [35] Najib, N. U., Nor Aini Yusof, and Zulkifli Osman. "Measuring satisfaction with student housing facilities." *American Journal of Engineering and Applied Sciences* 4, no. 1 (2011): 52-60.
- [36] Kachar, K. "Ke arah pengurusan pelajar dinamik". Kuala Lumpur. Teks Publishing Sdn. Bhd. 1989.
- [37] Rinn, A.N. "Academic and social effects of living in honors residence halls". Western Kentucky University. Diperoleh daripada <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1153&context=nchcjournals>. 2004
- [38] Che Azemi, N. & Mat Assain, F. "Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan Dan Perkhidmatan Yang Disediakan Di Politeknik Port Dickson (Ppd) Bagi Sesi Disember 2010". Politeknik Port Dickson. 2010. In Proc. Conf. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013). Johor, Malaysia. 2013
- [39] Mohd Tahir, L, Mohd Yusof, S & Mohd Nawi, S. "Peranan Kolej Kediaman dalam Mewujudkan Budaya Pembelajaran Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai". Project Report. Faculty of Education, Skudai, Johor. 2009. (Tidak diterbitkan)
- [40] Said, H. & Mohd Ali, M.N. "Kepuasan Mahasiswa Mahasiswa Terhadap Kualiti Kehidupan Di Kolej 10, Universiti Teknologi Malaysia". Universiti Teknologi Malaysia. 2010. (Tidak diterbitkan)
- [41] Mustafa, Mohamad Zaid, Ali Suradin, Siti Sarah Muhammad, Ahmad Rizal Madar, and Abdul Rashid Razzaq. "Kajian stres dalam kalangan pelajar wanita program Sarjana Muda Kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)." (2009): 1-17.

- [42] Adebayo, Christie Oluseyi, and Tawee Seow. "Comfort in housing as it relates to housing quality among low cost housing inhabitants." (2012).
- [43] Zukan, Mohamed, Siti Rafeah, and Yusri Kamin. "Ergonomik Dalam Rekabentuk Kerusi Dan Meja Makmal Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik dari Perspektif Pelajar." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2003.
- [44] Osman, Noor Azmi. "Knowledge Level of the Teachers Regarding the Surrounding Environmental Issues at One of the School in Perak State." *Unpublished Master of Education Project Paper. Faculty of Education, University of Malaya*(2003)..
- [45] Azmi, Nor. "Kajian Menentukan Ukuran Dimensi Dan Keselesaan Kerusi belajar Di Perpustakaan Sultanah Zanariah (psz) utm Skudai." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2006.
- [46] Buyung, Mohd Reduan, and Haryati Shafi. "Kolej Kediaman Lestari: Keselesaan Bilik Penghuni Kolej Kediaman Tun Fatimah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia." *Geografi* 4, no. 2 (2016): 46-53.
- [47] Hidie. "Kepentingan mendapatkan tidur malam yang cukup". The Brunei Times | Saturday, 26 October, 2013
- [48] Japardi, Iskandar. "Gangguan tidur." *Gangguan Tidur* (2002).
- [49] Choy, Er Ah, Nur Azlin Mohamad Awal, and Mohd Fakhrulrazi Shamsudin. "Kesedaran awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya (Public awareness of the preservation and conservation of the natural environment: The case of Taman Wetland, Putrajaya)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11, no. 8 (2017).
- [50] Wheeler, Stephen M. *Planning for sustainability: creating livable, equitable and ecological communities*. Routledge, 2013.
- [51] Abas, M.A. "Persepsi Komuniti Peniaga di Kejiranan Universiti Sains Malaysia, USM Terhadap Amalan Kitar Semula Sisa Pepejal". Diperoleh daripada http://www.academia.edu/6603004/Persepsi_Komuniti_Peniaga_di_Kejiranan_Universiti_Sains_Malaysia_USM_Terhadap_Amalan_Kitar_Semula_Sisa_Pepejal. 2014.
- [52] Ismail, Hamidi. "Hubungan manusia dan persekitaran fizikal: Suatu ulasan literatur kemerosotan kualiti udara dan sungai bandar." (2012): 23-47.
- [53] Ali, Hasna, Dody Dermawan, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim, and Sarifah Yaacob. "Masyarakat dan amalan pengurusan sisa pepejal ke arah kelestarian komuniti: Kes isi rumah wanita di Bandar Baru Bangi, Malaysia (Society and the practise of solid waste management towards sustainable community: The case of female households in Bandar Baru Bangi, Malaysia)." *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8, no. 5 (2017).
- [54] Slaper, T.F & Hall, T.J. "The Triple Bottom Line: What Is It and How Does It Work?. Economic Research Analyst", Indiana Business Research Center, Indiana University Kelley School of Business. Diperoleh daripada <http://www.ibrc.indiana.edu/ibr/2011/spring/article2.html>. 2011
- [55] Mandalina. "Pembangunan Lestari Pengertian Dan Penguku". Diperoleh daripada http://www.slideshare.net/mospeadaduan/savedfiles?s_title=pembangunan-mampan&user_login=mandalina. 2010
- [56] Ramli, N.H, Mustafa, Z. & AB Hamid, M.R. "Pengenalan : Kesihatan Dan Kualiti Hidup Masyarakat". Universiti Malaysia Pahang. 2014
- [57] Che hamid, H. "Persepsi Kualiti Hidup : Tinjauan Ke Atas Penduduk Bandar Seri Kertih, Kemaman, Terengganu". Universiti Malaya. 2006
- [58] Shafii, H. "Pendidikan Alam Sekitar Menyumbang Ke Arah Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat di Malaysia". Jurnal Majlis Amanah Rakyat (MARA). (2009).
- [59] Affizal Ahmad. "Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera". Universiti Sains Malaysia. 2013
- [60] Hassan, N. Dinamika masyarakat Bandar Malaysia. Universiti Malaya. 2006.
- [61] Shafii, H., Seow Ta Wee & Azlina Mat Yassin. "Ruang Kemudahan Untuk Pelajar Di Kolej Kediaman Lestari : Satu Kajian Literatur". Persidangan kebangsaan masyarakat, ruang dan alam sekitar. 2013
- [62] Mat, Nariza, and Yusof Boon. "Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Pengurusan Asrama Di kolej 9 Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- [63] Syed Hussain. T. P. R, Hamidi & Mat Khalid Md Noh. M. K. "Kesedaran Mengenai Penjimatkan Tenaga Elektrik dan Kelestarian Alam Sekitar". PROSIDING Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) Johor Bahru, 2013